

**Asian Social Work Journal (ASWJ)**

Volume 3, Issue 4, September 2018

e-ISSN : 0128-1577

Journal home page:  
www.msosocialwork.com**Pelaksanaan dan Keberkesanan Program Penyalahgunaan Dadah dalam kalangan Pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah di Gabungan Kota Kinabalu, Sabah****Wan Anor Bin Wan Sulaiman<sup>1</sup>, Wan Nur Fatini Wan Anor<sup>1</sup>, Wan Nazilah Wan Othman<sup>1</sup>, Adi Fahrudin<sup>1</sup>**<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Wan Anor Bin Wan Sulaiman (wananor@ums.edu.my)

**Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaan program penyalahgunaan dadah (SEJADAH) oleh guru-guru dan guru kaunselor memberi kesan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah sekitar Gabungan Kota Kinabalu, Sabah. Subjek kajian adalah terdiri daripada 150 orang pelajar Tingkatan 1 hingga 5, dan 96 orang guru-guru biasa dan guru kaunselor. Satu set soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat biografi pelajar, bahagian B mengandungi item tentang kesan program terhadap pelajar dan bahagian C mengandungi item-item tentang pelaksanaan program oleh guru-guru dan pihak sekolah. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data dan didapati seramai 124 orang pelajar berpendapat program penyalahgunaan dadah (SEJADAH) memberi kesan yang baik kepada mereka. Bagi tahap pelaksanaan, seramai 58 orang guru berpendapat program SEJADAH dilaksanakan secara berkesan.

**Kata kunci:** program penyalahgunaan dadah, keberkesanan program, pelajar sekolah**Implementation and Effectiveness of Drug Abuse Program (SAJADAH) Among Students at Secondary Schools in the Kota Kinabalu, Sabah****Abstract**

This study is conducted to determine the extent to which the drug abuse programs are implemented (SEJADAH) by teachers and counselors are affected students in schools at the Kota Kinabalu, Sabah. The subjects have 150 students from form 1 to 5, and 96 regular teachers and counselor. A set of questionnaires which is divided into three sections, part A contains student biographical information, section B contains items about the effects of the program on students and section C contains items about program implementation by teachers and school staff. Descriptive analysis was used to analyze the data and found that 124 students considered the program drug abuse (SAJADAH) has a good effected on them. For the implementation stage, total of 58 teachers feel that the program is very effective.

**Key words:** drug abuse programs, program effectiveness, school students

## Pengenalan

Sejak pelancaran Kempen Antidadah peringkat kebangsaan pada 19 Februari 1983 secara besar-besaran, pelbagai pihak di Malaysia bertungkus-lumus untuk sama-sama membantu menjayakan kempen ini. Dadah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara. Di antara kementerian yang paling giat menjalankan kempen ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini kerana senario penagihan dadah dikatakan bermula sejak tahun 1970-an berdasarkan satu kajian kes-kes polis pada tahun 1974 yang menunjukkan bahawa daripada 1478 yang ditangkap kerana melakukan kesalahan narkotik, seramai 589 ialah pesalah yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun (Mohd. Sabri Yusoh & Che Bakar Che Mat, 1996). Pada 28 Februari, 1983, Jawatankuasa Kabinet Antidadah telah mengistiharkan 'Dadah Musuh Utama Negara'. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program ini ialah kepada murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa. Ia juga dijalankan secara bersepadu melalui empat strategi utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan pembentukan sahsiah (KPM, 2003).

Justeru itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan empat objektif pendidikan pencegahan dadah yang ingin dicapai. Iaitu bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran Pendidikan Pencegahan dadah (PPDa) kepada murid, guru dan kakitangan sekolah supaya dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan dadah. Membina ketahanan dan jati diri yang tinggi dikalangan murid dari segi fizikal, emosi, mental dan rohani. Membolehkan murid membentuk budaya dan tingkah laku positif dan mengamalkan nilai-nilai murni dan melibatkan dan mewujudkan permuafakatan masyarakat sekolah dengan masyarakat luar sekolah dalam usaha mencegah dadah. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada program Seni Jauhi Dadah (SEJADAH). Program ini adalah sebahagian daripada strategi Pendidikan Pencegahan Dadah yang boleh meningkatkan kesedaran dan pengetahuan murid terhadap kesan buruk dan bahaya penggunaan dadah. Antara pengisian program ialah seperti dikir barat antidadah, poster antidadah, penulisan sajak antidadah, deklamasi sajak antidadah, boria antidadah, nasyid antidadah dan buku skrap antidadah (KPM, 2003).

Dalam kajian oleh Drug Policy Research Center, penganalisis Jonathan Culkins dan rakan-rakan pada tahun 2002 (dalam L. Roleff, Tamara, 2005) telah mengenal pasti program pencegahan dadah memberi manfaat dalam mengurangkan pengambilan dadah, minuman keras dan merokok. Menurutnya lagi, program pencegahan tersebut dianggarkan berjaya mengurangkan penggunaan tembakau sebanyak 2.3 peratus, pengambilan alkohol sebanyak 2.2 peratus dan kokain sebanyak 3.0 peratus seumur hidup. Bagaimanapun kesan keseluruhan daripada program pencegahan dianggarkan hanya berjaya mencapai 15 peratus seumur hidup berbanding peratusan kesedaran yang lebih tinggi selepas tamatnya intervensi.

Program PPDa ini harus dapat memupuk semangat jati diri pelajar yang seterusnya dapat membentuk nilai murni, budi pekerti yang mulia dan terpuji, kerohanian yang luhur dan memiliki perasaan cinta serta sayang kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005).

Menurut sumber literatur (AADK, 2007; Abdul Halim & Mohd Muzafar Shah, 2008) tentang bahaya dadah didapati bahawa murid-murid yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah didapati mempunyai petanda-petanda yang boleh dikenalpasti. Penagih dadah akan melalui perubahan dari segi paras rupa, sikap, tabiat dan tingkah laku. Pengetahuan ini adalah juga penting dikuasai oleh guru dan murid di sekolah supaya mereka dapat menjauhkan diri mereka daripada dadah. Beberapa tanda umum yang boleh dikesan telah disenaraikan oleh Agensi Antidadah (2007) seperti berikut : Kehadiran ke sekolah dan tempat kerja merosot, mutu kerja, disiplin dan hasil kerja merosot, meradang tanpa sebab, selalu menguap dan tidak bermaya. Mengelakkan diri daripada tanggungjawab, kemerosotan paras rupa dan kebersihan diri. Tabiat suka menyembunyikan apa-apa yang dilakukan atau yang dimiliki dan hilang selera makan, kurang berat badan, mata berkaca-kaca dan berair atau mata yang redup dan kuyu. Parut dan bekas suntikan di lengan dan di hujung jari bertukar warna akibat menghisap ganja. Berdampingan dengan mereka yang diketahui menagih dadah dan meminta wang secara berlebihan daripada ahli keluarga serta suka meminjam daripada kawan-kawan atau mencuri barang-barang yang mudah dijual

dari rumah, sekolah, tempat kerja, saudara mara atau kaum keluarga. Suka mengunjungi tempat-tempat terpencil tanpa sebab seperti stor, bilik kecil, tingkat bawah bangunan dengan tujuan mengambil dadah.

Kajian lain yang dijalankan di luar negara terhadap program penyalahgunaan dadah di sekolah menunjukkan kesan-kesan positif seperti projek 'Healthy School and Drugs' di Belanda. Pelajar—pelajar sekolah mula bereksperimentasi dengan tembakau, alkohol dan beberapa jenis dadah yang lain sejak usia 12 dan 15 tahun. Melalui projek 'Healthy School and Drugs' di sekolah, berlaku pengurangan jumlah pelajar yang mengambil tembakau dan akhirnya berhenti apabila tempoh intervensi tamat (Cuijpers, Pim et.al, 2002).

Maklumat dan pengetahuan yang mencukupi tentang penyalahgunaan dadah dan risiko kesihatan yang mungkin dihadapi dapat menyedarkan pelajar-pelajar bahaya terlibat dengan dadah.

## **Pernyataan Masalah Kajian**

Boleh dikatakan setiap tahun setiap sekolah mengadakan program penyalahgunaan dadah. Pelbagai aktiviti diatur dan dilaksanakan dengan tujuan untuk mencapai matlamat dengan meletakkan sasaran 'Sekolah Bebas Dadah Tahun 2012' (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Antara tujuannya ialah supaya pelajar-pelajar tidak terlibat dengan dadah dan menyedari bahawa dadah merupakan musuh utama negara dan memberi kesan yang tidak baik terhadap kesihatan mental dan fizikal. Persoalan yang dihadapinya sekarang ialah sejauh mana pelaksanaan program penyalahgunaan dadah di sekolah dilaksanakan dengan efektif dan bersistematik sesuai dengan sasaran Kementerian Pelajaran. Begitu juga tentang kesan perubahan yang dialami oleh kumpulan sasaran iaitu pelajar-pelajar sekolah sama ada sekolah rendah dan menengah. Didapati bahawa dari segi pelaksanaan, pelbagai masalah timbul iaitu yang melibatkan kewangan, kerja sama daripada pentadbir sekolah, komitmen guru-guru, keterlibatan pelajar, dan warga sekolah.

## **Tujuan Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana kesan dan pelaksanaan program penyalahgunaan dadah di sekolah.

## **Objektif Kajian :**

- i. Mengetahui tahap keberkesanan program penyalahgunaan dadah di sekolah.
- ii. Mengetahui tahap pelaksanaan program penyalahgunaan dadah di sekolah.

## **Metodologi Kajian**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan iaitu maklumat atau data diperoleh melalui soal selidik. Soal selidik memfokuskan kepada dua perkara utama iaitu kesan dan pelaksanaan program penyalahgunaan dadah di sekolah. Kesan program kepada pelajar diukur dengan menilai tahap penerimaan pelajar terhadap aktiviti-aktiviti program itu sendiri. Pelaksanaan program adalah untuk melihat sejauh mana aktiviti-aktiviti dilaksanakan dengan jayanya di setiap buah sekolah yang terpilih.

### ***Tempat Kajian***

Kajian ini telah dijalankan di sekolah-sekolah Menengah Gabungan Kota Kinabalu, Sabah.

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 150 orang pelajar dan 96 Guru mata pelajaran, dari sekolah sekitar Gabungan Kota Kinabalu, Sabah. Sampel kajian ini diambil berdasarkan persampelan rawak mudah melibatkan pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan guru pembimbing dan kaunseling sekolah dan guru-guru mata pelajaran.

## Alat Kajian

Alat kajian ialah satu set borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A ialah Biodata Responden, Bahagian B mengandungi soalan-soalan untuk mengetahui tahap keberkesanan program ke atas pelajar-pelajar. Bahagian C terdiri daripada soalan-soalan untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaan program oleh guru-guru yang terlibat. Reliabiliti alat kajian ini adalah Cronbach Alpha 0.636.

## Analisis Data

Keseluruhan data dianalisis menggunakan program SPSS versi 12.0. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat frekuensi, peratusan dan silang (crosstab) antara item-item tertentu.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian berdasarkan analisis dan interpretasi semua maklumat yang diperolehi daripada 150 orang pelajar sekolah menengah sekitar Gabungan Kota Kinabalu. Analisis dan interpretasi hasil kajian ini menumpukan kepada analisis deskriptif.

Keputusan yang diuraikan secara deskriptif adalah dalam bentuk frekuensi dan peratus, yang mana digunakan untuk menerangkan ciri latar belakang pelajar dan memperihalkan pembolehubah pelaksanaan dan keberkesanan program terhadap responden yang terlibat. Statistik deskriptif menggunakan kaedah silang (crosstab) digunakan untuk melihat perkaitan di antara item tertentu.

Jadual 1. Jadual Deskriptif (Item Bahagian B)

| Bil.item | Ya  | Peratus (%) | Tidak | Peratus (%) | Jumlah | Missing | Peratus (%) |
|----------|-----|-------------|-------|-------------|--------|---------|-------------|
| 1.       | 115 | 76.7        | 31    | 20.7        | 146    | 4       | 2.7         |
| 2.       | 146 | 97.3        | 4     | 2.7         | 150    | -       | -           |
| 3.       | 124 | 82.7        | 26    | 17.3        | 150    | -       | -           |
| 4.       | 126 | 84          | 24    | 16          | 150    | -       | -           |
| 5.       | 100 | 66.7        | 50    | 33.3        | 150    | -       | -           |
| 6.       | 119 | 79.3        | 31    | 20.7        | 150    | -       | -           |
| 7.       | 89  | 59.3        | 59    | 39.3        | 148    | 2       | 1.3         |
| 8.       | 11  | 7.3         | 139   | 92.7        | 150    | -       | -           |
| 9.       | 121 | 80.7        | 28    | 18.7        | 149    | 1       | 0.7         |
| 10.      | 141 | 94          | 8     | 5.3         | 149    | 1       | 0.7         |
| 11.      | 134 | 89.3        | 15    | 10          | 149    | 1       | 0.7         |
| 12.      | 116 | 77.3        | 34    | 22.7        | 150    | -       | -           |
| 13.      | 133 | 88.7        | 17    | 11.3        | 150    | -       | -           |
| 14.      | 144 | 96          | 5     | 3.3         | 149    | 1       | 0.7         |
| 15.      | 138 | 92          | 11    | 7.3         | 149    | 1       | 0.7         |
| 16.      | 140 | 93.3        | 10    | 6.7         | 150    | -       | -           |
| 17.      | 143 | 95.3        | 6     | 4           | 149    | 1       | 0.7         |
| 18.      | 122 | 81.3        | 28    | 18.7        | 150    | -       | -           |
| 19.      | 106 | 70.7        | 43    | 28.7        | 149    | 1       | 0.7         |
| 20.      | 93  | 62          | 57    | 38          | 150    | -       | -           |

|     |    |    |     |      |     |   |     |
|-----|----|----|-----|------|-----|---|-----|
| 21. | 33 | 22 | 116 | 77.3 | 149 | 1 | 0.7 |
|-----|----|----|-----|------|-----|---|-----|

Jadual 2. Item Bahagian C

| Bil.item | Ya | Peratus (%) | Tidak | Peratus (%) | Jumlah (N) | Missing | Peratus (%) |
|----------|----|-------------|-------|-------------|------------|---------|-------------|
| 1.       | 85 | 88.5        | 11    | 11.5        | 96         | -       | -           |
| 2.       | 73 | 76          | 23    | 24          | 96         | -       | -           |
| 3.       | 23 | 24          | 73    | 76          | 96         | -       | -           |
| 4.       | 86 | 89.6        | 10    | 10.4        | 96         | -       | -           |
| 5.       | 48 | 50          | 48    | 50          | 96         | -       | -           |
| 6.       | 59 | 62.1        | 36    | 37.9        | 95         | 1       | 0.7         |
| 7.       | 72 | 75          | 24    | 25          | 96         | -       | -           |
| 8.       | 67 | 69.8        | 29    | 30.2        | 96         | -       | -           |
| 9.       | 85 | 88.5        | 11    | 11.5        | 96         | -       | -           |
| 10.      | 20 | 20.8        | 76    | 79.2        | 96         | -       | -           |

Berdasarkan item pertama dalam bahagian B, terdapat 115 orang pelajar mengaku memperoleh pengetahuan semasa program penyalahgunaan dadah (SEJADAH) dijalankan daripada keseluruhan 150 orang responden. Bagi item pertama dan ke-8, didapati daripada 61 orang pelajar yang mengaku memperoleh pengetahuan semasa program SEJADAH terdapat 4 yang masih ingin mencuba dadah walaupun selepas mengikuti program SEJADAH. Berdasarkan item ke-12, 116 orang responden berminat untuk menyertai program SEJADAH manakala terdapat 34 orang yang berpendapat tidak akan menyertai program ini pada masa akan datang.

Bagi item terakhir iaitu yang ke-21, terdapat 33 orang pelajar yang berpendapat program SEJADAH tidak memberi kesan kepada diri mereka manakala seramai 116 berpendapat sebaliknya. Daripada hasil analisis item ke-3 bahagian ini, seramai 124 orang pelajar berpendapat program SEJADAH ini memberi kesan yang baik kepada diri mereka.

Pengkaji turut menggunakan analisis deskriptif secara bersilang (crosstab) untuk melihat perkaitan di antara item-item tertentu. Berdasarkan silang item pertama dan item ke-8 dalam Bahagian B, didapati daripada 115 responden yang mengaku mendapat pengetahuan semasa program SEJADAH, terdapat 9 orang yang masih ingin mencuba dadah. Bagi silang item ke-2 dan ke-10, seramai 145 orang responden mengaku mereka sedar tentang bahaya dadah, tetapi hanya 138 yang akan berwaspada supaya tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah selepas mengikuti program SEJADAH. Silang item ke-3 dan ke-14 menunjukkan daripada 123 pelajar yang mengatakan program SEJADAH memberi kesan yang baik kepada diri mereka, hanya 119 yang mengaku lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri selepas mengikuti program SEJADAH.

Bagi item bahagian C, secara keseluruhannya, responden yang terdiri daripada para guru seramai 58 orang daripada 96 orang berpendapat program SEJADAH telah dilaksanakan secara berkesan di sekolah. Berdasarkan silang item pada bahagian C, iaitu item pertama dan ke-5 didapati responden seramai 85 orang di kalangan guru mengaku program penyalahgunaan dadah dirancang terlebih dahulu sebelum dilaksanakan tetapi hanya 43 orang mendakwa peralatan dan kewangan mencukupi untuk membiayai program SEJADAH. Bagi silang item pertama dan ke-6 menunjukkan walaupun program SEJADAH dirancang terlebih dahulu, hanya 52 orang responden yang mengatakan program ini dilaksanakan secara berkesan. Silang item ke-6 dan ke-8 pula menunjukkan daripada 59 orang guru yang mengatakan program SEJADAH dilaksanakan secara berkesan, hanya 39 yang berpendapat program ini dapat membantu mengurangkan masalah disiplin pelajar-pelajar di sekolah. Berdasarkan silang item ke-4 dan ke-5 didapati daripada 86 orang responden yang berpendapat pihak sekolah memberi perhatian yang serius dalam program penyalahgunaan dadah, hanya 43 yang mengaku peralatan dan kewangan mencukupi untuk membiayai program.

Berdasarkan keputusan analisis secara keseluruhan, didapati program SEJADAH memberi kesan yang baik kerana majoriti pelajar memberi maklum balas positif terhadap program tersebut.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Kajian ini hanya melihat secara umum tahap pelaksanaan dan keberkesanan program penyalahgunaan dadah (SEJADAH) di sekolah. Data yang diperolehi adalah secara nominal sahaja. Maklum balas yang diterima daripada sekolah-sekolah terlibat juga tidak memuaskan. Pengkaji mensasarkan data dapat diperoleh daripada sepuluh buah sekolah tetapi hanya lima buah sekolah sahaja yang memberi kerjasama untuk menjawab soal selidik.

Kajian akan datang boleh memfokuskan kepada faktor demografi dan latar belakang keluarga responden. Pendekatan kualitatif mungkin mampu menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kajian ini.

### **Rujukan**

- Abdul Halim & Mohd Muzafar Shah. (2008) Pencegahan Penyalahgunaan Dadah. Isu dan Prinsip-prinsip Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah: Panduan untuk Kaunselor, Guru, Ibu bapa dan Masyarakat. USIM, Nilai, Negeri Sembilan.
- Cuijpers. P, Jonkers. R, Weerdt, I, D & Anco de Jong (2002). The effects of drug abuse prevention at school : the 'Healthy School and Drugs' project. Trimbo Institute, Netherlands Institute of Mental Health and Addiction.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. Panduan pelaksanaan pendidikan pencegahan dadah di sekolah. KPM Kuala Lumpur.
- Mohamad Sabri Yusoh dan Che Bakar Che Mat. 1996. Penyalahgunaan dan pengedaran dadah di Malaysia: Undang-undang dan keberkesanan. DBP: Kuala Lumpur;
- Mohd Muzafar Shah Mohd Razali & Abdul Malek Abdul Rahman (2005). Peranan Kaunselor dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar Sekolah. Kertas kerja yang dibentangkan di *Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia* anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). ESSET, Bangi. 24-26 Jun.
- Roleff. L & Tamara. 2005. Drug Abuse : Opposing viewpoints. Farmington Hills, MI: Greenhaven Press.